


SOALAN 3.3

BAHAGIAN A (20 Soalan Objektif)

1. Pakar perubatan yang mengkaji komponen, kandungan dan penyakit berkaitan darah adalah

- A ahli farmasi
- B hematologi
- C mikrobiologi
- D ahli fisiologi

2. Komponen darah akan diasingkan melalui kaedah



- A tapisan
- B sintesis
- C elektrolisis
- D emparan

3. Yang manakah BENAR mengenai peratusan komponen darah manusia?

- A Plasma darah 55%, sel darah merah 45%, sel darah putih dan platlet kurang 1%
- B Plasma darah 45%, sel darah merah 55%, sel darah putih dan platlet kurang 1%
- C Plasma darah 55%, sel darah merah 35%, sel darah putih dan platlet 10%
- D Plasma darah 50%, sel darah merah 45%, sel darah putih dan platlet 5%

4. Pernyataan yang manakah **TIDAK BENAR** berkaitan antibodi dan plasma darah?

- I Plasma darah mengandungi antibodi
- II Individu yang mempunyai darah jenis AB bebas menerima semua jenis darah kerana tiada antibodi dalam darahnya
- III Seorang individu yang mempunyai antibodi Anti A ialah orang yang mempunyai darah jenis A
- IV Individu yang mempunyai darah O tidak dapat menerima sebarang jenis darah kerana kehadiran antigen A dan B dalam plasma darahnya

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D Semua di atas

5. Komponen ini tidak mempunyai nukleus serta berbentuk tidak tetap dan ia memainkan peranan penting dalam pembekuan darah.

A Plasma

C Sel darah putih

B Sel darah merah

D Platelet

6. Semasa pemindahan darah, darah penderma mesti serasi dengan darah penerima. Jika jenis darah tidak serasi dipindahkan, sel darah merah daripada darah yang dipindahkan akan bergumpal bersama-sama yang di sebut juga sebagai

A Agluminat

C Aglunat

B Aglutinat

D Agluninat

7. Manakah komponen darah yang paling sesuai untuk mangsa kebakaran?

A Platelet

C Sel darah putih

B Sel darah merah

D Protein darah

8. Komponen darah yang perlu di simpan di dalam suhu bilik sahaja adalah


A Plasma

C Sel darah merah

B Platelet

D Sel darah putih

9. Rajah menunjukkan komponen darah manusia yang telah diasingkan.



Kepentingan komponen X dalam darah manusia adalah untuk

A Menghasilkan hormon

B Membantu pembekuan darah

C Melawan jangkitan kuman

D Mengangkut bahan terlarut

10. Kumpulan darah manakah merupakan penerima universal?
- A Kumpulan darah A
B Kumpulan darah B
C Kumpulan darah AB
D Kumpulan darah O
11. Ramli telah kehilangan banyak darah dalam kemalangan jalan raya. Setelah diperiksa, doktor mendapati kumpulan darah beliau ialah AB kumpulan darah apakah yang boleh dipindahkan kepada Ramli?
- A A dan B sahaja
B A, B dan AB sahaja
C A, B dan O sahaja
D A, B, AB dan O
12. Antara faktor berikut, yang manakah menentukan kumpulan darah seseorang?
- A Jenis antigen dan antibodi
B Jenis antibodi dan hormon
C Warna dan kepekatan darah
D Jenis pemakanan seseorang
13. Sel yang tidak mempunyai bentuk yang tetap, mempunyai nukleus, menghasilkan antibodi dan antitoksin dan jangka hayat 2 hari hingga 2 bulan.
Penerangan tersebut berkaitan dengan
- A Plasma
B Platelet
C Sel darah putih
D Sel darah merah
14. Kumpulan darah manusia adalah diwarisi daripada
- A Ibu bapa
B Datuk
C Nenek
D Adik beradik
15. Sel-sel darah merah membawa oksigen dalam _____ dan disalurkan ke seluruh bahagian badan.
- A salur darah
B hemoglobin
C oksihemoglobin
D plasma

16. Mengapakah penderma darah jenis O dikatakan sebagai penderma universal?

- A Darah O mempunyai antibodi anti-A dan anti-B
- B Darah O tidak mempunyai sebarang antibodi
- C Darah O mempunyai antibodi anti-A sahaja
- D Darah O mempunyai antibodi anti-B sahaja

17. Plasma darah mengandungi bahan berikut KECUALI

- A air
- B nutrien
- C platelet
- D karbon dioksida

18. Di antara kepentingan kita menderma darah adalah

- I mengurangkan risiko penyakit jantung
- II merangsang pengeluaran sel darah baru
- III mendorong mendapat anemia
- IV menambahkan berat badan

- A I dan II sahaja
- B II dan III sahaja
- C III dan IV sahaja
- D I, II dan IV sahaja

19. Kumpulan penderma dan penerima darah yang manakah akan menyebabkan penggumpalan darah berlaku?

	Penderma	Penerima
A	A	A, AB
B	B	B, AB
C	AB	A, B
D	O	A, B, AB, O

20. Apakah jenis makanan yang boleh dimakan untuk meningkatkan komponen sel darah?

- A Makanan yang kaya dengan vitamin C dan asid folik
- B Makanan yang kaya dengan karbohidrat
- C Makanan yang kaya dengan lemak dan kolesterol
- D Makanan yang kaya dengan gula dan protein